


INFOKAMPUS

Feb 2021



116215

Info kampus Feb 2021 / UiTM Cawangan
Sarawak



UiTM
SARAWAK

*pays courtesy visit to the
Chief Minister
of Sarawak*

Courtesy Visit
YB Datuk Hj Abdul Karim
Rahman Hamzah

MOA

UiTM & STOMA SDN BHD

KAIB 2020

Soars to Greater Heights

innosTRE
First Hybrid Conference



Program Konvoi Misi Kemerdekaan dan Akademik adalah inisiatif UiTM Cawangan Sarawak yang diketuai oleh Pejabat Polis Bantuan Kampus Samarahan dengan kerjasama Pengurusan Kampus

Mukah, Persatuan Alumni UiTM Sarawak (MITSA) dan PDRM. Program ini telah berlangsung dari 15 hingga 17 September 2020 yang lepas, sempena sambutan Hari Malaysia. Secara amnya, program ini bermatlamat untuk

mempromosikan program-program akademik yang ditawarkan oleh UiTM di hentian laluan konvoi, meningkatkan semangat patriotisme, merapatkan silaturahim antara peserta, meningkatkan kekuatan mental dan fizikal peserta, memberi motivasi kepada peserta untuk aktif dalam aktiviti kerja berkumpulan serta menyemarakkan semangat warga UiTM dalam bulan kemerdekaan. Di peringkat Kampus Mukah, program ini merupakan anjuran kumpulan pengurusan staf pentadbiran diketuai oleh Unit Polis Bantuan.

Secara kronologinya, program yang dilaksanakan selama 3 hari bermula di UiTM Kampus Samarahan melibatkan konvoi motosikal berkuasa besar dan singgah

di beberapa hentian sekolah bagi melaksanakan Program Misi Akademik iaitu memberi pendedahan kepada para pelajar sekolah berkenaan program yang ditawarkan di UiTM. Pada 16 September 2020, peserta konvoi tiba di UiTM Mukah dan ketibaan mereka disambut oleh Penolong



Rektor UiTM Mukah iaitu Dr. Khadijah Khalid. Setibanya peserta konvoi di perkarangan Dewan Sri Balau, ketua rombongan konvoi iaitu ASP P/B Mazlan Bin Haji Takap memaklumkan sedikit sebanyak maklumat berkaitan program kepada Dr. Khadijah dan perjumpaan singkat tersebut diakhiri dengan sesi fotografi bagi menandakan ketibaan pasukan konvoi di UiTM Mukah.

PROGRAM

KONVOI

MISI KEMERDEKAAN DAN AKADEMIK

Pengarang:
 Mohd Nur Faizal Tari
 Mohamad Syafie Hamdin
 Siti Faridah Kamaruddin

Majlis pelepasan peserta konvoi untuk ke destinasi yang berikutnya turut dihadiri oleh Puan Dayang Hummida Abang Abdul Rahman, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dan Encik Muhammad Syukrie Abu Talip, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perladangan dan Agroteknologi di samping warga UiTM Kampus Mukah termasuk staf dan pelajar praktikal perladangan yang berada di kampus ketika itu bagi menunjukkan sokongan padu dan memberikan semangat kekitaan kepada peserta konvoi untuk bertolak ke SMK Dalat.

Rombongan konvoi tiba ke SMK Dalat pada jam 9.35 pagi dan ketibaan peserta disambut oleh Cikgu Iswandi Bin Yad, Penolong Kanan 1 SMK Dalat. Penyerahan bendera serta risalah promosi Misi Akademik telah diserahkan kepada wakil SMK Dalat tersebut. Selain itu, beberapa peserta konvoi turut mendekati kumpulan kecil pelajar untuk mempromosikan program yang ditawarkan bagi menarik minat pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka di UiTM. Respon dan reaksi daripada pelajar menunjukkan minat mereka mengenai program yang ditawarkan di UiTM Sarawak. Usahasama program di antara UiTM dan sekolah seperti SMK Dalat ini juga turut merapatkan hubungan wakil Misi Akademik UiTM Kampus Mukah, Cik Aisyah Nazamud-din dengan kaunselor SMK Dalat, Cikgu Anita Binti John Jenal



Aktiviti bagi peserta konvoi pada malam 17 September turut dimeriahkan lagi dengan Majlis Makan Malam Misi Kemerdekaan dan Akademik. Para peserta dijamu dengan makanan tempatan Mukah dan peserta turut menghayati semangat kemerdekaan dengan pengisian sajak dan lagu patriotik yang disampaikan oleh dua orang pelajar dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Majlis makan malam ini turut mencipta kenangan manis buat Encik Mohmmad Bin Abang dan Encik Abdul Fatah Bin Musa yang menyambut hari jadi mereka pada tanggal 17 September.

Program seperti ini sememangnya memberikan impak serta imej positif di kalangan staf UiTM Kampus Samarahan dan UiTM Kampus Mukah bagi merapatkan semangat kekitaan UiTM Sarawak secara amnya serta masyarakat sekitar seperti guru dan pelajar di SMK Dalat bagi melonjak peranan UiTM sebagai universiti awam yang menjadi pilihan lepasan pelajar sekolah di kawasan sekitar Mukah.

Academic

VISIT TO KUALA LUMPUR

Academic Visit to Kuala Lumpur was organised by the third semester students from Bachelor of Quantity Surveying, UiTM Sarawak. The academic visit was held on the 13th-17th November 2019 and it was partially sponsored by UiTM's Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA). During the visit, the students were fortunate to be given the opportunity to visit remarkable places in Kuala Lumpur such as Kuala Lumpur Sports City. Nonetheless, as quantity surveying students, they also had the opportunity to visit construction related centres and sites such as CIDB - IBS Centre and DASH highway construction site. Apart from the visits, the students had the opportunity to attend the iDEA symposium which was jointly organized by Royal Institution of Surveyors Malaysia and Universiti Tun Abdul Razak.

Author:

Sr Dr Asmah Alia Mohamad Bohari
 Shariffah Zatil Hidayah Bt Syed Jamaludin





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PiB
PROFESSIONAL MUTAWWIF
DEVELOPMENT

NGANI MEMORANDUM PERSEFAAMAN (

ANTARA

MARA SARAWAK



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

INFOKAMPUS

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677 200

ISSN: 2232-1578



9 772232 157005